

Headline	'DBP segera 'bangun', kementerian boleh bantu'	Language	MALAY
Date	25. Jun 2009	Page No	20
Media Title	Berita Harian	Article Size	271 cm2
Section	Hip	Frequency	Daily
Circulation	192917	Color	One Spot Color
Readership	1521000	AdValue	4382.87



'DBP segera 'bangun', kementerian boleh bantu'

Godam
Bersama Salbiah Ani

RENCANA penulis, Anugerah Penulisan Sea 2009 yang disiarkan dalam *Sastera, Berita Harian*, bertarikh 18 Jun lalu, membawa kepada perbincangan tidak rasmi meja bundar dengan beberapa teman penulis, sarjana dan pemerhatian sastera tanah air mengenai kerelevanan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dapat penulis rangkumkan bahawa rata-rata kelompok terbabit mengharapkan perubahan daripada DBP, selaku badan berkanun yang diamalkan dengan tugas memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan agar segera sedar pentingnya mereka bertindak mengikut perubahan zaman.

Hanya dengan cara itu, DBP tidak akan dipandang sepi dan dilihat terus relevan dalam alaf ketiga, jika sekalipun tidak

dapat mengembalikan zaman kegemilangannya ketika di bawah pimpinan Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail atau Datuk Dr Hassan Ahmad.

Seorang mantan sarjana yang juga sasterawan sedih dengan nasib yang menimpa dunia sastera tanah air akibat kealpaan daripada 'bapanya', DBP, bukan saja dalam penganugerahan peringkat kebangsaan dan rantau seperti Anugerah Sastera Negara dan Anugerah Penulisan Sea, tetapi juga Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM).

HSPM adalah khabar duka kepada karyawan sastera tanah air kerana jika sebelum ini, ia tidak pernah ditinggirkan dan berlangsung mengikut jadual, tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan, hal sebaliknya berlaku seolah-olah tidak lagi membawa makna kerana penganjuranya, DBP, sanggup dan rela membiarkan kelewatan berulang!

"Saya tidak pasti apakah masalah sebenar DBP sehingga perkara sedemikian berlaku dan berulang, tanpa sebarang tanda akan berlaku perubahan ke arah kebaikan. Apakah segala-galanya ini berlaku kerana kerenah birokrasi pegawainya atau kekurangan dana ekoran tindakan tokoh tertentu sebelum ini?"

"Saya juga tertanya-tanya apakah pegawai di DBP amanah dengan tugas dalam membuat penilaian terhadap karya untuk HSPM. Saya cuak dalam hal ini, tetapi tidak boleh 'menghukum' tanpa bukti. Saya mahu lihat dua cerpen dengan kelainan teknik penceritaan di samping adunan interteksnya mendapat perhatian mereka atau sebaliknya," katanya meluahkan perasaan yang berliku di hati.

Seorang lagi sasterawan melihat DBP kini dibayangi adik kandungannya, Institut Terjemahan Negara Malaysia

(ITNM) yang bernaung di bawah satu bumbung dengan mereka, Kementerian Pelajaran, sehingga nampak organisasi terbabit lebih memberi sokongan moral kepada karyawan sastera.

"Jika dulu DBP yang mengetengahkan karya sastera Malaysia pada Pameran Buku Antarabangsa Frankfurt, tetapi tugas itu kini 'diambil alih' oleh ITNM. Institut terbabit juga nampaknya lebih menghargai sumbangan orang sastera apabila mengadakan tahlil untuk dua Sasterawan Negara (SN), Allahyarham S Othman Kelantan dan Arena Wati.

"ITNM juga yang mengambil inisiatif menerbitkan karya *magnum opus* kalangan sasterawan veteran dan mengambil inisiatif memanggil kami untuk hadir sama pada pelancaran buku dalam kumpulan ini. Fungsi yang dulunya dimainkan oleh DBP," ujarnya.

Seorang lagi teman sarjana,

meluahkan rasa kesalnya dengan sikap berdiam diri DBP, meskipun dalam hal berkaitan dengan bahasa Melayu yang turut menjadi sebahagian daripada tanggungjawabnya sehingga semakin lama mereka, semakin diperlekehkan!

"Patutlah bahasa Melayu tidak pernah lepas daripada kemelut meskipun hakikatnya haknya sudah diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara dan melalui pelbagai akta sehingga ada saja yang mencari kesempatan mempermainkannya selagi ada peluang."

Apa yang diluahkan teman meja bundar ini, meskipun bukan perkara baru, tetapi wajar diberi perhatian oleh penguasaan kanan DBP, memandang mereka sudah terlalu lama menantikan perubahan demi kebaikan dunia sastera dan bahasa tanah air.

Selain DBP, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan juga boleh menyum-

bang ke arah pemantapan bahasa dan sastera tanah air melalui pengisian programnya dengan memastikan bahasa Melayu dimartabatkan selain isu sastera turut diberi perhatian.

Janganlah isu dalam slot *Fenomena Seni* dibiarkan berlebar dalam ruang lingkup yang sempit kerana jumud terhadap maksud seni yang hakikatnya merangkumi sastera dan begitu juga dengan segmen isu semasa yang boleh diluaskan untuk hal berkaitan dengan kedua-dua aspek terbabit.

Malang bagi Malaysia jika kesedaran sedemikian tidak hadir dalam diri mereka yang berkenaan kerana ketika bahasa mahupun sastera negara ini menjadi bahan kajian peringkat pasca sarjana menerusi pembentukan Kursi Pengajian Melayu dan Malaysia di luar negara, kita seolah-olah menganakirkannya hanya kerana nilai ekonomi mengatasi segala-galanya!